

TOLBIN EXPECTORANT SYRUP

Terbutaline sulfate/Guaifenesin (1.5mg/66.5mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan **TOLBIN**
2. Bagaimana **TOLBIN** berfungsi
3. Sebelum menggunakan **TOLBIN**
4. Cara menggunakan **TOLBIN**
5. Semasa menggunakan **TOLBIN**
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan **TOLBIN**
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan **TOLBIN**

Ia digunakan dalam keadaan di mana kedua-dua pengembangan saluran pernafasan dan kesan ekspektoras diperlukan dalam keradangan saluran pernafasan dan kerosakan pundi udara di dalam paru-paru.

Bagaimana **TOLBIN** berfungsi

Terbutaline sulfate ialah bronkodilator. Ia berfungsi dengan mengendurkan otot dalam saluran pernafasan untuk menambahbaikkan pernafasan. Guaifenesin ialah ekspektoran. Ia membantu mengurangkan kesesakan dalam dada dan tekak, menjadikannya lebih mudah untuk batuk keluar melalui mulut.

Sebelum menggunakan **TOLBIN**

-Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alergik (hipersensitif) terhadap Terbutaline, Guaifenesin atau bahan-bahan lain ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil **TOLBIN** jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Terbutaline terdapat dalam susu ibu. Jangan ambil **TOLBIN** jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum mula menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini jika:

- Anda mempunyai sakit jantung
- Anda mempunyai masalah tiroid
- Anda mempunyai kencing manis
- Anda di trimester pertama kehamilan
- Batu karang di buah pinggang

- *Porphyria* (penyakit metabolisme pigmen yang diwarisi)

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Khususnya, beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang menggunakan mana-mana ubat berikut:

- Ubat steroid
- Ubat xanthine
- Ubat beta-blocker (seperti Propanolol), termasuk ubat titis mata
- Tablet air, juga dikenali sebagai diuretik

Cara menggunakan **TOLBIN**

-Berapa banyak harus digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa:

10 - 15 mL (2 - 3 sudu teh)

Kanak-kanak:

7 – 15 tahun: 5 - 10 mL (1 - 2 sudu teh)

-Bila perlu digunakan

Sentiasa mengambil **TOLBIN** 2-3 kali sehari atau ikut arahan doktor.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan **TOLBIN** untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (Terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Terambil dos berlebihan boleh menyebabkan sakit kepala, keresahan, menggeletar, loya, kekejangan otot yang berterusan, debaran jantung, peningkatan kadar jantung dan denyutan jantung tidak tetap. Penurunan tekanan darah kadang-kadang berlaku.

Semasa menggunakan

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil **TOLBIN**.

Maklumkan doktor dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan berkongsi **TOLBIN** dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera. Jika ubat ini membuat anda berasa mual, pening atau penat, atau memberikan sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan mesin dan segera hubungi doktor anda.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, **TOLBIN** boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

TOLBIN EXPECTORANT SYRUP

Terbutaline sulfate/Guaifenesin (1.5mg/66.5mg per 5ml)

Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

- Menggeletar
- Sakit kepala
- Loya
- Iritasi mulut dan tekak
- Kekejangan otot yang berterusan
- Deyutan jantung berdebar-debar atau cepat
- Beberapa orang berasa tegang
- Gangguan tidur dan tingkah laku, seperti keresahan, hiperaktif dan kegelisahan
- Peningkatan kadar jantung
- Denyutan jantung tidak tetap
- Tahap kalium rendah yang serius
- Reaksi hipersensitiviti, termasuk bengkak, geligata, kemerahan, kesukaran bernafas, tekanan darah menurun dan jatuh
- Ketidakselesaan gastrousus
- Muntah

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Cara penyimpanan dan pelupusan TOLBIN

-Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di suhu tidak melebihi 30°C dalam bekas tertutup.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Sirap jernih berwarna coklat sedikit dengan rasa mentol-manis-oren-soda

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:
Terbutaline sulfate
Guaifenesin

Bahan tidak aktif:

Ethyl alcohol 95%, Citric acid anhydrous, Glycerin, Menthol, Sodium chloride, Sodium benzoate, Saccharin sodium, Aspartame, Sucrose, Cream soda, Sodium citrate dihydrate, Sorbitol solution, Orange flavor and Purified water

Nombor MAL:

MAL07090910AZ

Pengilang

Unison Laboratories Co., Ltd.
39 Moo 4, Klong Udomcholjorn,
Muang Chachoengsao,
Chachoengsao 24000 Thailand

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn.Bhd
55 & 57 Lorong Sempadan 2, (Off Boundary) 11400 Ayer Itam, Penang,
Malaysia

Tarikh kemas kini RiMUP

9.3.2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)260118/00028